

PM: Sidang  
Komanwel  
banyak  
cakap  
hasil  
kurang

BH 15 SEP 1981

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpendapat bahawa persidangan Ketua-ketua Komanwel setakat ini hanya banyak cakap sahaja tetapi hasilnya amat kurang.

Oleh sebab itu, tegasnya adalah lebih baik bagi beliau menjalankan tugas-tugas yang perlu dibuat dalam negeri.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita sebaik sahaja tiba di tanahair selepas bercuti di luar negeri selama dua minggu. Beliau melawat Spain dan Belanda.

Persidangan tersebut akan berlangsung dari 30 September hingga 7 Oktober di Melbourne, Australia.

Perdana Menteri juga menyatakan rasa tidak puashati terhadap beberapa buah negara Komanwel.

"Jika kita boleh mencapai apa yang dikehendaki sendiri, mengapa perlu kita melalui Komanwel?" tanya beliau.

Bagaimanapun beliau menolak kemungkinan Malaysia akan keluar dari Komanwel.

Datuk Seri Dr. Mahathir membuat keputusan tidak hadir persidangan tersebut sebelum beliau berlepas ke luar negeri lagi tempoh hari.

Bagaimanapun Malaysia akan menghantar Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie sebagai wakil Perdana Menteri.